

MAKLUMAT UMUM SIJIL TAHFIZ MALAYSIA

PENGENALAN	
1	JAKIM telah memperkenalkan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) pada tahun 2011.
2	Sijil Tahfiz Malaysia ini diwujudkan bagi memberi perakuan kepada penghafaz al-Quran yang tamat menghafaz 30 juzuk al-Quran.
3	Peperiksaan Sijil Tahfiz Malaysia ini terbuka kepada semua penghafaz al-Quran khususnya yang mendapat pendidikan di Institusi Tahfiz Swasta.

OBJEKTIF	
1	Memberi perakuan kepada golongan penghafaz al-Quran.
2	Memberi galakan kepada masyarakat Islam di Malaysia untuk menghafaz al-Quran.
3	Memberi peluang kepada golongan yang tidak mendapat pendidikan secara formal untuk mendapatkan sijil khas tahfiz.

KELEBIHAN	
1	Mendapat sokongan Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) tajaan JAKIM bagi menyambung pengajian ke peringkat Ijazah dan ke atas.
2	Mendapat pengiktirafan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memohon jawatan Guru Tahfiz KPM.

SYARAT PERMOHONAN	
1	Warganegara Malaysia
2	Berumur 17 tahun dan ke atas
3	Telah menghafaz 30 juzuk al-Quran
4	Mengemukakan surat pengesahan/ rekod hafazan 30 juzuk daripada institusi atau guru tasmi'

YURAN PERMOHONAN	
RM150 setiap permohonan	

CARA PERMOHONAN	
1	Permohonan boleh dibuat secara dalam talian (<i>online</i>)
2	<p>Borang Permohonan yang telah lengkap diisi secara dalam talian (<i>online</i>) hendaklah dicetak dan dihantar bersama “Kiriman Wang” sebanyak RM150.00 atas nama ”PENGARAH DARUL QURAN” ke alamat berikut:</p> <p style="text-align: center;"> Pengarah Darul Quran JAKIM Jalan Hamzah, Ampang Pecah 44000 Kuala Kubu Bharu Selangor Darul Ehsan (u:p: Jabatan Pengajian Sepanjang Hayat) </p>

****Borang permohonan yang tidak lengkap serta Kiriman Wang yang dibuat bukan di atas nama PENGARAH DARUL QURAN tidak akan diproses.***

KAEDAH PENILAIAN	
1	Ujian Syafawi al-Quran (30 juz)
2	Ujian Tahriri al-Quran (30 juz)
3	Ujian Bertulis Pengetahuan Agama Islam

PENGANUGERAHAN SIJIL	
Calon yang berjaya akan dianugerahkan Sijil Tahfiz Malaysia (STM) oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.	